

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



PERBEZAAN TAHAP PROFESIONALISME GURU TINGKATAN ENAM BERDASARKAN DEMOGRAFI TERPILIH

*DIFFERENCES IN THE LEVEL OF PROFESSIONALISM OF FORM SIX
TEACHERS BASED ON SELECTED DEMOGRAPHICS*

Wee Fwen Yep^{1*}, Abdul Said Ambotang²

¹ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
Email: fywee@yahoo.com

² Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
Email: said@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.04.2021

Revised date: 26.04.2021

Accepted date: 03.05.2021

Published date: 25.06.2021

To cite this document:

Wee, F. Y., & Ambotang, A. S. (2021). Perbezaan Tahap Profesionalisme Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Demografi Teroilih. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (40), 49-59.

DOI: 10.35631/IJEPC.640004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#).



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek demografi terpilih di daerah Sandakan, Sabah. Aspek demografi yang dikaji adalah jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelulusan akademik tertinggi. Manakala dimensi profesionalisme guru yang dikaji adalah pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme. Jumlah responden yang digunakan adalah seramai 102 orang guru dari tujuh buah sekolah menengah yang mempunyai pendidikan tingkatan enam di daerah Sandakan. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan demografi responden manakala bahagian B mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan pemboleh ubah bersandar profesionalisme guru tingkatan enam. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Analisis yang digunakan melibatkan ujian-t dan ANOVA sehala bagi mendapatkan perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan faktor demografi terpilih. Ujian-t digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru berdasarkan aspek jantina guru dan tempoh perkhidmatan. Manakala ANOVA sehala digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek umur dan kelulusan akademik tertinggi. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek jantina ($p=.154$), umur ($p=.887$), tempoh perkhidmatan ($p=.385$) dan kelulusan akademik tertinggi ($p=.230$) di daerah Sandakan. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru

tingkatan enam di daerah Sandakan tanpa mengira aspek demografi yang dikaji, telah menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi untuk merealisasikan kejayaan penjenamaan semula tingkatan enam. Seterusnya, penyelidik mencadangkan kajian ini diperluas ke daerah-daerah lain di negeri Sabah untuk mendapatkan gambaran yang sebenar bagi mewakili populasi guru tingkatan enam di negeri Sabah.

Kata Kunci:

Demografi, Penjenamaan Semula, Profesionalisme Guru Tingkatan Enam

Abstract:

This study aims to identify differences in the level of professionalism of form six teachers based on selected demographic aspects in Sandakan district, Sabah. The demographic aspects studied were gender, age, length of service, and highest academic qualification. While the dimensions of teacher professionalism studied are knowledge, skills, and values of professionalism. The number of respondents was 102 teachers from seven secondary schools with form six education in the Sandakan district. The research instrument used is a questionnaire that is divided into two parts, namely part A and part B. Part A contains questions related to the demographics of the respondents while part B contains questions related to the dependent variables of form six teacher professionalism. Data were analyzed using IBM Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Data analysis using t-test and one-way ANOVA to obtain significant differences in the level of professionalism of form six teachers based on selected demographic factors. The t-test was used to identify significant differences in the level of teacher professionalism based on aspects of teacher gender and length of service. While one-way ANOVA was used to identify significant differences in the level of professionalism of form six teachers based on age and the highest academic qualification. The results of the analysis showed that there were no significant differences in the level of professionalism of form six teachers based on gender ($p=.154$), age ($p=.887$), length of service ($p=.385$), and highest academic qualification ($p=.230$) in Sandakan district. This indicates that the form six teachers in the Sandakan district regardless of the demographic aspects studied, have shown a high level of professionalism to realize the success of the form six rebranding. Next, the researcher suggests that this study be extended to other districts in Sabah to get a true picture to represent the population of form six teachers in Sabah.

Keywords:

Demographics, Rebranding, Professionalism Of Form Six Teachers

Pengenalan

Usaha memperkasa tingkatan enam melalui penjenamaan semula tingkatan enam yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran mulai tahun 2008 telah memberikan nafas baru kepada kelestarian “sustainable” dan keberterusan tingkatan enam agar terus relevan dengan arus perdana pendidikan negara kita. Menurut Victor dan Srinivasan (2013), selepas tamat pengajian prauniversiti, mereka akan menyambung pelajaran sama ada di peringkat institusi pengajian tinggi atau memasuki bidang pekerjaan. Oleh itu, ia adalah peringkat yang kritikal yang memerlukan mereka mempunyai kepelbagaiannya kemahiran dan pengetahuan untuk berdikari dan sedia menghadapi cabaran selepas tamat pengajian prauniversiti. Justeru, adalah penting untuk membangunkan guru prauniversiti yang berkemahiran untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dan berdikari. Guru yang mempunyai kemahiran seperti kemahiran

komunikasi dan kemahiran mengajar akan meningkatkan pembelajaran pelajar dan dapat mengurangkan bilangan pelajar yang gagal dalam pengajian mereka.

Penjenamaan semula tingkatan enam merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 dengan hasrat untuk memperkasa pendidikan tingkatan enam melalui peningkatan imej, sistem dan kualiti pendidikan setaraf dengan pendidikan lepasan menengah yang lain selepas SPM seperti matrikulasi atau pusat asasi sains, yang dilihat sebagai salah satu laluan utama murid-murid untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) pada tahun 2012 telah mengeluarkan surat pemberitahuan MPM/1(AM)/2012 (2012) menyatakan sistem pentaksiran baharu STPM dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum untuk mengisi tiga semester sepanjang pengajian di tingkatan enam iaitu semester 1, semester 2 dan semester 3 dalam tempoh pengajian selama satu tahun setengah. Sepanjang pengajian, pelajar turut perlu melaksanakan penyelidikan. Selain itu, pelajar juga akan diberi lebih peluang untuk mengembangkan bakat kepimpinan dan kemahiran insaniah melalui pertambahan peranan dan pilihan aktiviti sukan, kokurikulum dan khidmat masyarakat.

Dalam konteks peningkatan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), guru-guru tingkatan enam mestilah membuat anjakan yang besar menggunakan kaedah dan strategi PdPc yang lebih kreatif dan analitik sesuai dengan aras dan kemenjadian pelajar tingkatan enam. Pelajar lepasan menengah adalah berada dalam fasa peralihan daripada pedagogi kepada andragogi iaitu daripada trend berorientasikan kandungan pelajaran dan berpusatkan guru kepada pembelajaran terarah kendiri yang berterusan (Ashari, 2011). Lebih-lebih lagi pelajar tingkatan enam mengikuti pengajian sistem modular yang memerlukan pendekatan andragogi.

Salah satu rasional sesi penyelidikan tingkatan enam diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bertujuan untuk melatih pelajar memiliki kemahiran mencari bahan, mengekstrak isi-isi penting daripada karya-karya yang disorot dan menganalisis isi kandungan tersebut mengikut pendapat dan pandangan penyelidik. Apabila sistem modular diperkenalkan pada tahun 2012, pengenalan komponen kerja kursus, iaitu penyediaan kertas projek kajian yang kemudiannya dinamakan sebagai kerja kursus (KK) yang mana ia diuji secara khusus. Kesannya, kertas projek yang disediakan oleh pelajar tingkatan enam ini, mendedahkan mereka terhadap asas penyelidikan sebelum memasuki institusi pengajian tinggi.

Dari aspek kokurikulum pula, mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas KPM: KP(BS-MEN) 303/01/03(2) (2009), aktiviti kokurikulum yang ditawarkan untuk pelajar dalam penjenamaan semula tingkatan enam adalah suatu aktiviti yang boleh membentuk ciri-ciri kepimpinan dan ketramplilan pelajar. Aktiviti kokurikulum adalah bermatlamat untuk mendidik pelajar secara menyeluruh, berusaha memikul tanggungjawab, prihatin, berinovatif dan proaktif, matang, berjiwa kendiri, berpandangan futuristik, keteguhan jati diri dan berbudaya penyayang.

Seterusnya, *Demirkasimoğlu* (2010) menyatakan profesionalisme guru merupakan bidang kerjaya yang profesional mengikut dimensi sosiologi, ideologi dan pendidikan untuk mencapai tahap profesional keguruan yang paling tinggi dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional seseorang guru. Selain itu, guru yang profesional mengikut Standard Guru Malaysia (SGM) adalah guru yang mempunyai amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi (Mohd

Aizat & Kamarudin, 2019). Sementara itu, menurut Azlin *et al.* (2021) mendapati tahap efikasi kendiri guru tingkatan enam adalah tinggi. Efikasi kendiri guru melibatkan dimensi penglibatan pelajar, strategi pengajaran dan pembelajaran dan pengurusan bilik darjah.

Dalam konteks kajian ini, profesionalisme guru merujuk kepada sejauh mana keupayaan guru tingkatan enam untuk mencapai tahap profesionalisme guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional di samping memenuhi keperluan dan tuntutan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memperkenalkan penjenamaan semula tingkatan enam. Oleh itu, guru perlu menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi untuk merealisasikan kejayaan penjenamaan semula, justeru menjana keberhasilan pelajar dari segi penerapan budaya penyelidikan pelajar, kepimpinan pelajar yang dibimbing melalui aktiviti kokurikulum dan pencapaian akademik dalam sistem modular yang mirip dengan sistem di universiti yang membabitkan tiga semester.

Pernyataan Masalah Kajian

Penyelidikan ini mengkaji perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek demografi terpilih khususnya di daerah Sandakan, Sabah. Dalam konteks kajian ini, empat faktor demografi yang diuji adalah aspek jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelulusan akademik tertinggi. Kesemua aspek ini berpotensi menunjukkan perbezaan terhadap pemboleh ubah profesionalisme guru tingkatan enam. Penelitian kesemua aspek ini dan faktor penyebabnya adalah penting untuk menentukan langkah penyelesaian masalah yang boleh diambil untuk merapatkan jurang perbezaan mengikut aspek demografi guru sekiranya wujud. Oleh itu, tidak kira aspek-aspek demografi seperti aspek jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelulusan akademik tertinggi; setiap guru sepatutnya mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional dalam profesionalisme guru masing-masing.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas menunjukkan terdapat perbezaan tahap profesionalisme berdasarkan aspek demografi. Kajian oleh Razila *et al.* (2019) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek umur iaitu tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam dengan umur. Kajian tersebut mendapati guru Pendidikan Islam yang berumur 45 tahun ke atas adalah lebih tinggi tahap amalan profesionalisme berbanding dengan guru-guru kategori umur yang lain. Faktor umur tersebut turut selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Ezwafahmey (2018) dan kajian Butter dan Hermanns (2011). Seterusnya, Kajian oleh Butter dan Hermanns (2011) dalam aspek jantina mendapati pengawai lelaki menunjukkan tahap profesionalisme yang lebih tinggi berbanding pegawai wanita dalam organisasi.

Sementara itu, kajian oleh Ezwafahmey (2018) mendapati aspek tempoh perkhidmatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan tempoh perkhidmatan dalam amalan profesionalisme Guru Cemerlang Bahasa Melayu. Dapatan kajian tersebut turut selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Syed Kamarzuaman, Mohd Zaki & Julismah (2014). Selain itu, kajian oleh Foo dan Tang (2005) pula mendapati tahap profesional berdasarkan demografi dari aspek kelulusan akademik menunjukkan pegawai yang berkelulusan akademik yang tinggi tidak mengamalkan tahap pengurusan kolaboratif yang tinggi.

Objektif Kajian


Objektif khusus bagi kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek jantina.
- ii. Mengenal pasti perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek umur.
- iii. Mengenal pasti perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek tempoh perkhidmatan.
- iv. Mengenal pasti perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek kelulusan akademik tertinggi.

Tinjauan Literatur

Teori Perkembangan dan Profesionalisme Guru

Menurut Trotter (1986), teori yang diperkenalkan oleh beliau menunjukkan terdapat lima peringkat perkembangan dan profesionalisme seorang guru. Seterusnya, dalam mengkaji peringkat perkembangan dan profesionalisme guru, setiap satu peringkat mempunyai kriteria dan asas yang tersendiri yang menerangkan dan mendefinisikan ciri peringkat tersebut. Maka, guru yang berada di peringkat tersebut menunjukkan tahap dan kedudukan guru dari sudut perkembangan profesionalisme dan kemahiran guru itu sendiri. Seterusnya, asas peringkat perkembangan guru seperti dalam rajah 1.



Rajah 1: Peringkat Perkembangan dan Profesionalisme Guru

Sumber: Trotter (1986)

Model Empat Pendekatan Profesionalisme Guru

Menurut Whitty dan Wisby (2006), profesionalisme guru terdiri daripada empat pendekatan yang merangkumi profesionalisme tradisional, profesionalisme pengurusan, profesionalisme kolaboratif dan profesionalisme demokratik. Keempat-empat pendekatan profesionalisme guru tersebut digunakan untuk menerangkan konsep profesionalisme guru dengan lebih komprehensif.

Pendekatan profesionalisme tradisional adalah menjurus kepada guru-guru yang menggunakan kemahiran berasaskan pengetahuan teoritikal dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru perlu menerima pendidikan dan latihan kemahiran yang rasmi menerusi peperiksaan dan mempunyai kod etika profesional. Berdasarkan pendekatan profesionalisme tradisional, guru-guru juga perlu berkhidmat di bawah organisasi pendidikan profesional yang kuat dan stabil.

Selain itu, pendekatan profesionalisme pengurusan membolehkan guru-guru menerima akauntabiliti dan berusaha untuk membuat keputusan yang berguna untuk sekolah. Dalam pada itu, seseorang guru perlu bekerjasama dengan rakan-rakan sejawat yang lain dalam segala urusan termasuk pentadbiran, akademik dan sebagainya di sekolah. Berdasarkan pendekatan profesionalisme pengurusan, guru perlu mengalu-alukan sumbangan ibu bapa dan masyarakat luar sekolah yang dapat membawa kepada kejayaan dan kemajuan sekolah.

Sementara itu, pendekatan profesionalisme kolaboratif mementingkan kerjasama dan kolaborasi antara guru-guru dengan pihak sama ada di dalam atau di luar organisasi sekolah. Guru-guru perlu memupuk kerjasama antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti bagi menjayakan apa-apa program yang dapat meningkatkan keberhasilan pelajar. Justeru berasaskan pendekatan profesionalisme kolaboratif, guru-guru juga perlu memupuk kolaborasi yang aktif dengan pihak profesional, paraprofesional dan bukan profesional daripada bidang disiplin yang berlainan.

Seterusnya, pendekatan profesionalisme demokratik pula mementingkan jalinan dan jaringan antara guru dengan birokrasi, kesatuan, persatuan profesional dan pertubuhan masyarakat supaya bersama-sama memajukan pendidikan secara globalnya. Berpandukan pendekatan profesionalisme demokratik, guru-guru berperanan penting untuk menjadi agen perubahan dalam sistem pendidikan negara.

Secara tuntas, keempat-empat pendekatan profesionalisme guru dalam model empat pendekatan profesionalisme guru yang diperkenalkan oleh Whitty dan Wisby (2006) dapat diasimilasikan menjadi satu panduan profesional yang berguna kepada guru. Maka, empat pendekatan yang digunakan untuk memperjelas profesionalisme guru dapat menggambarkan guru yang profesional dalam mencapai standard profesiion keguruan yang diterima umum.

Teori Komitmen Steers

Steers (1977) dalam Fatimah (2014), telah mengemukakan satu teori peramal dan hasil komitmen pekerja terhadap organisasi apabila pekerja terus berkhidmat dalam organisasi yang sama. Terdapat beberapa faktor peribadi yang berhubung dengan komitmen pekerja terhadap organisasi, iaitu:

Umur dan Jantina

Pekerja yang sudah lama berkhidmat kepada organisasi selalunya akan mencatatkan tahap komitmen yang tinggi berbanding dengan pekerja baru. Manakala faktor jantina pula menunjukkan bahawa pekerja wanita lebih cenderung menunjukkan komitmen yang lebih tinggi berbanding dengan pekerja lelaki untuk meningkatkan produktiviti.

Taraf Pendidikan

Pekerja yang berkelulusan tinggi lebih cenderung menunjukkan sifat yang kurang komited terhadap organisasi berbanding dengan pekerja yang berkelulusan rendah.

Struktur Organisasi

Pekerja akan lebih komited jika pihak organisasi memberikan kebebasan kuasa dalam membuat keputusan sendiri serta diberikan tanggungjawab dan kepercayaan terhadap tugas yang diberikan.

Peranan Tugas

Pengkayaan kerja dapat mendorong para pekerja menunjukkan tahap komitmen yang lebih tinggi terhadap organisasi. Melalui pengkayaan kerja juga dapat membantu penghapusan kawalan dengan memberikan kuasa tambahan, meningkatkan tanggungjawab terhadap tugas yang dilakukannya, menjadikan tugas yang lebih berat, dan menjadikan pekerja supaya lebih berkemahiran dan pakar dalam sesuatu bidang kerja.

Kebajikan

Pihak pekerja akan menunjukkan tahap komitmen yang tinggi jika pihak organisasi mengambil berat akan kebajikan mereka. Oleh yang demikian, para pekerja akan terus meningkatkan komitmen mereka semasa bertugas kerana beranggapan organisasi boleh diharapkan dan dapat memberikan kepentingan kepada mereka.

Justeru berdasarkan amalan daripada teori komitmen Steers, konsep yang dilihat boleh dikaitkan dengan komitmen dan profesionalisme guru tingkatan enam dalam penjenamaan semula tingkatan enam untuk menjana keberhasilan pelajar. Penjenamaan semula pengurusan tingkatan enam dilihat memerlukan komitmen guru menjana keberhasilan pelajar terutamanya dari aspek akademik, kurikulum dan penyelidikan bagi membentuk kemenjadian pelajar tingkatan enam di sekolah.

Metodologi

Seramai 102 orang guru tingkatan enam telah dipilih melalui kaedah pensampelan rawak mudah meliputi 7 buah sekolah menengah yang menawarkan pendidikan tingkatan enam di daerah Sandakan, Sabah. Kajian ini adalah kajian kuantitatif bersifat tinjauan menggunakan sepenuhnya borang soal selidik untuk mengumpul data. Usaha penerokaan literatur mendapat faktor demografi yang telah dikenal pasti relevan dalam konteks kajian ini iaitu jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelulusan akademik tertinggi.

Analisis yang digunakan melibatkan ujian-t dan ANOVA sehala bagi mendapatkan perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam dengan aspek demografi terpilih (faktor jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelulusan akademik tertinggi). Ujian-t digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek jantina dan tempoh perkhidmatan manakala ANOVA sehala digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek umur dan kelulusan akademik tertinggi.

Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan dapatan dianalisis dengan menggunakan *IBM SPSS Statistics*. Penyelidik menyatakan sama ada hipotesis ditolak atau gagal ditolak serta memberikan tafsirannya.

Kaedah ujian-t digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek jantina. Keputusan yang diperoleh dapat dilihat dalam Jadual 1. Hasil analisis ini menunjukkan $p=.154$, maka keputusan adalah tidak signifikan, $p>.05$. Oleh itu, hipotesis nul yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek jantina adalah gagal ditolak.

Jadual 1: Statistik Ujian-t Sampel Bebas Tahap Profesionalisme Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Aspek Jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	p
Lelaki	35	4.0339	.5026	.154
Perempuan	67	4.1707	.4306	

Seterusnya, kaedah ujian-t turut digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek tempoh perkhidmatan. Keputusan yang diperoleh dapat dilihat dalam Jadual 2. Hasil analisis ini menunjukkan $p=.385$, maka keputusan adalah tidak signifikan, $p>.05$. Oleh itu, hipotesis nul yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek tempoh perkhidmatan adalah gagal ditolak.

Jadual 2: Statistik Ujian-t Sampel Bebas Tahap Profesionalisme Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Aspek Tempoh Perkhidmatan

Tempoh Perkhidmatan	N	Min	Sisihan Piawai	p
10 tahun dan ke bawah	14	4.2232	.3323	.385
Lebih daripada 10 tahun	88	4.1080	.4754	

Sementara itu, kaedah ujian ANOVA sehala digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek umur. Keputusan yang diperoleh dapat dilihat dalam Jadual 3. Hasil analisis ini menunjukkan $p=.887$, maka keputusan adalah tidak signifikan, $p>.05$. Oleh itu, hipotesis nul yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek umur adalah gagal ditolak.

Jadual 3: Statistik Ujian ANOVA Sehala Tahap Profesionalisme Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Aspek Umur

Umur	N	Min	Sisihan Piawai	p
30 tahun dan ke bawah	5	4.0250	.3144	
31 – 40 tahun	30	4.1292	.4413	.887
40 tahun ke atas	67	4.1287	.4793	

Selain itu, kaedah ujian ANOVA sehala juga digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek kelulusan akademik tertinggi. Keputusan yang diperoleh dapat dilihat dalam Jadual 4. Hasil analisis ini menunjukkan $p=.230$, maka keputusan adalah tidak signifikan, $p>.05$. Oleh itu, hipotesis nul yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek kelulusan akademik tertinggi adalah gagal ditolak.

Jadual 4: Statistik Ujian ANOVA Sehala Tahap Profesionalisme Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Aspek Kelulusan Akademik Tertinggi

Kelulusan Akademik Tertinggi	N	Min	Sisihan Piawai	p
Ijazah Sarjana Muda	76	4.0855	.4688	
Ijazah Sarjana (Master)	25	4.2525	.4159	.230
Ijazah Doktor Falsafah (PhD) / Ijazah Doktor Pendidikan (Ed.D)	1	3.8125	.	

Perbincangan

Dapatkan kajian ini mengesahkan bahawa jantina tidak menjadi faktor penentu tahap profesionalisme guru tingkatan enam di daerah Sandakan, Sabah. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian oleh Ainuddin (2018) yang mendapat tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional responden berdasarkan jantina. Selain itu, kajian ini turut menyokong kajian oleh Razila *et al.* (2019) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kualiti guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun, tidak selari dengan kajian oleh Butter dan Hermanns (2011) yang mendapat pegawai lelaki mempunyai profesionalisme dari segi dorongan yang lebih tinggi daripada pegawai perempuan.

Dari aspek faktor demografi tempoh perkhidmatan, didapat tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek tempoh perkhidmatan di daerah Sandakan, Sabah. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian oleh Zbrozek (2015) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan profesionalisme yang signifikan berdasarkan tempoh perkhidmatan guru-guru. Walau bagaimanapun, tidak selari dengan kajian oleh Ainuddin (2018) yang mendapat pensyarah yang telah berkhidmat 6 hingga 10 tahun lebih mengamalkan nilai profesional berbanding pensyarah yang telah berkhidmat 11 hingga 15 tahun. Selain itu, kajian ini turut tidak selari dengan kajian oleh Ezwafahmey (2018) yang mendapat tahap amalan profesionalisme adalah berkadar langsung dengan peningkatan tempoh perkhidmatan guru.

Seterusnya, faktor demografi umur pula, dapatkan kajian ini jelas menunjukkan guru tingkatan enam yang telah berumur dan muda di daerah Sandakan, Sabah tidak mempunyai perbezaan yang ketara dari aspek tahap profesionalisme mereka. Dapatkan kajian ini menyokong kajian oleh Ainuddin (2018) yang mendapat tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai profesional responden berdasarkan umur. Walau bagaimanapun, dapatkan kajian ini tidak menyokong hasil dapatkan kajian oleh Razila *et al.* (2019) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti guru Pendidikan Islam dengan umur. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam yang berumur 45 tahun ke atas adalah lebih baik tahap amalan kualitinya berbanding dengan guru-guru muda.

Selain itu, dari aspek kelulusan akademik tertinggi, dapatkan kajian ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek kelulusan akademik tertinggi di daerah Sandakan, Sabah. Walau bagaimanapun dapatkan kajian ini didapati berbeza dengan kajian oleh Foo dan Tang (2005) yang mendapat tahap profesional berdasarkan aspek kelulusan akademik menunjukkan pegawai yang berkelulusan akademik yang tinggi tidak mengamalkan tahap pengurusan kolaboratif yang tinggi.

Sementara itu, kajian ini hanya melibatkan tujuh buah sekolah menengah yang mempunyai pendidikan tingkatan enam di daerah Sandakan, Sabah. Oleh itu, penyelidik mencadangkan kajian ini diperluas ke daerah-daerah lain di negeri Sabah. Melalui cara demikian, kajian ini dapat memberikan gambaran yang sebenar bagi mewakili populasi guru tingkatan enam di seluruh negeri Sabah dapat diperoleh.

Kesimpulan

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengenal pasti perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek demografi terpilih di daerah Sandakan, Sabah. Aspek demografi yang dikaji adalah jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelulusan akademik tertinggi. Berdasarkan analisis, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelulusan akademik tertinggi.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru tingkatan enam di daerah Sandakan yang dilantik oleh KPM, tanpa mengira aspek demografi yang dikaji telah menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi untuk mentransformasi tingkatan enam berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Seterusnya, mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional dalam profesionalisme guru. Selain itu, guru komited merealisasikan kejayaan penjenamaan semula tingkatan enam untuk menjana keberhasilan pelajar dari aspek kurikulum, kokurikulum dan penyelidikan.

Rujukan

- Ainuddin Bin Mohd Isa. 2018. Penaakulan Moral, Nilai Profesional dan Membuat Keputusan Terhadap Amalan Etika Akademik Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah) Universiti Utara Malaysia.
- Ashari bin Sikor. 2011. Teknik Pembelajaran Andragogi Dalam Kalangan Pelajar Dewasa di Institusi Pengajaran Tinggi Awam Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Laporan Projek Fakulti Pendidikan, Universiti Tun Hussein Onn.
- Azlin Norhaini Mansor, Mohd Zabil Ikhsan Mohamed Nasaruddin & Aida Hanim A. Hamid. 2021. The Effects of School Climate on Sixth Form Teachers' Self-Efficacy in Malaysia. Dicapai daripada <https://www.mdpi.com/2071-1050/13/4/2011/htm> pada 29 April 2021.
- Butter, R. & Hermanns, J. 2011. Impact of Experienced Professionalism on Professional Culture in Probation. European Journal of Probation, 3(3), 31- 42.
- Demirkasimoğlu, N. 2010. Defining "Teacher Professionalism" from Different Perspectives. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 9, 2047-2051.
- Ezwafahmey Ahmad Kusaini. 2018. Tahap Kesediaan Guru Cemerlang Bahasa Melayu terhadap Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional di Sekolah Menengah di Negeri Melaka. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPB, 8(1), 63-73.
- Fatimah binti Affendi. 2014. Tahap Kepuasan Kerja dan Komitmen Organisasi dalam kalangan Guru Kolej Vokasional: Pendekatan Structural Equation Model. Tesis. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Foo Say Fooi dan Tang Keow Ngang. 2005. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengurusan Kolaboratif. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 20, 81-95.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa. 2019. Amalan Profesionalisme Guru Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia. Conference: the 4 th Asia Pacific Conference on Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Educational Management and Leadership (APCEMaL2019). Anjuran Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 22-23 November 2019.

- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila, dan Mashita Abu Hassan. 2019. Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research*, 1(4), 1-23.
- Surat Pekeliling Ikhtisas KPM: KP(BS-MEN) 303/01/03(2) Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam, 2009. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Surat Pemberitahuan MPM: MPM/1(AM)/2012 Pemberitahuan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia STPM Baharu, 2012. Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Syed Kamarzuaman Syed Ali, Mohd Zaki Che Hassan dan Julismah Jani. 2014. Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani terhadap Pelaksanaan Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 43-51.
- Trotter, R. 1986. The Mystery of Mastery. *Psychology Today*, 20(7), 32-38.
- Victor R Samson dan Srinivasan Vyjayanthi. 2013. Pre-University Teachers' Teaching Skills. *Journal of Education and Practice*, 5, 90-96.
- Whitty, G. & Wisby, E. 2006. 'Collaborative' and 'Democratic' Professionalisms: Alternatives to 'Traditional' and 'Managerialist' Approaches to Teacher Autonomy? *Educational Studies in Japan: International Yearbook*, 1, 25- 36.
- Zbrozek, A. W. 2015. Professional Learning Community and Non-Professional Learning Community Schools: A Quantitative Study of Perceptions of Teachers on Trust, Professionalism and Change. Illinois: Northern Illinois University.